



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

MANUAL PENGGUNA

SISTEM PENGURUSAN RISIKO ELEKTRONIK (E-RMS)

UNIT PENGURUSAN
RISIKO

ARAS 2, KOMPLEKS ANTARABANGSA,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
40450 SHAH ALAM,
SELANGOR



03-5521 1458



uprisk@gmail.com



upr.uitm.edu.my

**MANUAL PENGGUNA
SISTEM PENGURUSAN RISIKO
ELEKTRONIK
(E-RMS)**

© Unit Pengurusan Risiko (UPR), UiTM 2023 Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik atau mekanikal termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang sistem penyimpanan dan perolehan maklumat, tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Pengurusan Risiko (UPR).

Diterbitkan di Malaysia oleh :

Unit Pengurusan Risiko (UPR),
Aras 2, Kompleks Antarabangsa,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam,
Selangor.

Laman sesawang : <https://upr.uitm.edu.my>

Emel : uprisk@uitm.edu.my

e-ISBN: 978-967-26899-2-8

PRAKATA PENGARAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Manual Pengguna Sistem Pengurusan Risiko Elektronik (e-RMS) ini dihasilkan sebagai panduan dan rujukan untuk Penyelaras Risiko UiTM mendaftar risiko Pusat Tanggung Jawab (PTJ) masing-masing.

Manual ini menjelaskan secara terperinci bagaimana risiko dapat didaftarkan dan dikemaskini dengan menggunakan sistem e-RMS. Ia juga menerangkan bagaimana laporan-laporan berkaitan risiko dapat dijana oleh sistem ini.

Dengan wujudnya Manual Pengguna e-RMS ini, maka diharapkan ianya dapat memudah dan membantu Penyelaras Risiko dan pengguna sistem ini dalam mengurus dan mendaftarrisiko PTJ masing-masing.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada penulis-penulis dan staf Unit Pengurusan Risiko yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan manual ini. Semoga usaha murni ini akan memberi manfaat kepada semua warga UiTM.



PROF. MADYA DR. ROSLINA AB WAHID
Pengarah

15 Mac 2023

MANUAL PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN RISIKO ELEKTRONIK (e-RMS) UiTM

Disediakan oleh:
Dr. Shamshimah Samsuddin
Prof. Madya Dr. Roslina Ab. Wahid
Dr. Nura Lina Elias

Isi Kandungan

	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	<i>Electronic Risk Management System (e-RMS)</i>	1
1.1	Akses e-RMS	2
1.2	Kemaskini Maklumat, Pengguna Aktif dan Tidak Aktif	5
1.3	Senarai Pusat Tanggungjawab (PTJ)	10
1.4	Kemasukan Daftar Risiko	10
1.5	Semakan Berkala Daftar Risiko	17
1.5.1	Kemaskini Daftar Risiko	17
1.5.2	Padam Daftar Risiko	20
1.5.3	'Forward' Daftar Risiko	22
1.6	Risk Performance Index (RPI-X)	23
1.7	Laporan	23
2.0	Contoh Terjemahan Daftar Risiko Manual Ke Dalam Sistem e-RMS	26
3.0	Penutup	31

Senarai Rajah

	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Paparan Antara Muka Sistem e-RMS	2
1.2	Antara muka Log Masuk Web SSO	3
1.3	Antara Muka <i>Dashboard</i> Sistem e-RMS	4
1.4	Antara Muka Skrin e-RMS dalam Peratusan <i>Zoom</i> 100%	5
1.5	Antara Muka Skrin e-RMS dalam Peratusan <i>Zoom</i> 125%	5
1.6	Antara Muka Mengemaskini Maklumat Pengguna	6
1.7	Antara Muka Tambah Senarai Maklumat Pengguna Aktif	6
1.8	Antara Muka Menukar Pengguna dari Aktif ke Tidak Aktif	8
1.9	Antara Muka Menukar Pengguna Tidak Aktif Kepada Aktif	9
1.10	Antara Muka Senarai Risiko di bawah Tanggungjawab PTJ	10
1.11	Antara Muka Daftar Risiko	11
1.12	Antara Muka Maklumat Daftar Risiko	11
1.13	Antara Muka Kesan Risiko	12
1.14	Antara Muka Keterangan Kategori Risiko	12
1.15	Antara Muka Pemilihan Kategori Risiko	13
1.16	Antara Muka Jabatan Bertanggungjawab	13
1.17	Antara Muka Daftar Risiko Berkaitan Jadual	14
1.18	Antara Muka Jadual Impak Risiko dan Jadual indeks Kebarangkalian	15
1.19	Paparan Kawalan Sedia Ada	15
1.20	Paparan Kawalan Tambahan Dicadangkan	15
1.21	Paparan Lampiran Gambar Ke Dalam Sistem e-RMS	16
1.22	Paparan Butang " <i>Submit</i> "	16
1.23	Senarai Risiko	16
1.24	Antara Muka Sejarah Risiko	17
1.25	Medan Kemasukkan Data Untuk Ulasan Penambahbaikan	18
1.26	<i>Menu Drop-Down</i> Untuk Memilih Status Risiko	18
1.27	Antara Muka Kemasukkan Fail Lampiran Dan Gambar Serta Senarai Fail Yang Telah Dimasukkan	18
1.28	Antara Muka Mengemaskini Daftar Risiko	19
1.29	Antara Muka Memadam Daftar Risiko	21
1.30	Antara Muka ' <i>Forward</i> ' Daftar Risiko	23
1.31	Antara Muka <i>Risk Performance Index</i> (RPI-X)	23
1.32	Antara Muka Pemilihan Laporan	24
1.33	Contoh Laporan Berdasarkan Tahun	25
1.34	Contoh Laporan Berdasarkan Status Dan Tahap Risiko	26

1.0 *Electronic Risk Management System (e-RMS)*


Penggunaan daftar risiko secara manual dengan menggunakan Excel telah bermula pada tahun 2014 di UiTM. Semua PTJ akan menghantar daftar risiko yang telah dikemaskini kepada UPR untuk pelaporan keseluruhan sebelum dibentangkan dalam mesyuarat MPRSU. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan menggunakan kaedah ini, antaranya adalah:

- Fail yang dihantar hilang dan tiada salinan
- Fail yang dihantar tidak dapat dipastikan sama ada versi terkini atau tidak
- Sukar untuk membuat pelaporan
- Keselamatan data terancam
- Pencarian maklumat dan kemaskini data memakan masa

Oleh yang demikian *Electronic Risk Management System (e-RMS)* atas talian telah dibangunkan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Oleh kerana e-RMS adalah suatu sistem yang mampu mengumpulkan semua daftar risiko daripada semua PTJ dalam satu repositori yang sama, ia akan menjadi satu hub maklumat kepada semua PTJ dan UPR untuk merekodkan daftar risiko. Dengan pembangunan e-RMS, masalah fail bertindih, laporan sukar dibuat serta lokasi fail yang berselerak menyebabkan dokumen sukar untuk dicapai juga dapat diatasi. Proses pencarian maklumat akan menjadi lebih berkesan kerana semua daftar risiko akan disimpan selamat dalam repositori data. Penjanaan laporan akan menjadi dengan lebih mudah dan cepat. Dalam masa yang sama, keselamatan dan integriti data dapat dikekalkan. e-RMS boleh dicapai di <https://erms.uitm.edu.my>.

1.1 Akses e-RMS

Pengguna boleh melayari laman sesawang <https://erms.uitm.edu.my> seperti di Rajah 1.1 dengan menggunakan sebarang jenis peranti.




Rajah 1.1: Paparan Antara Muka Sistem e-RMS

Untuk mencapai laman sesawang ini, log masuk adalah menggunakan kata nama dan kata kunci laman sesawang SSO UiTM. Antara muka log masuk melalui akses Web SSO adalah seperti di Rajah 1.2.




WEB SSO SIGN-IN



Rajah 1.2: Antara Muka Log Masuk Web SSO

Untuk melayari e-RMS ini, pengguna akan terus ke laman sesawang SSO secara *default*. Bagi pengguna kali pertama, pengguna harus mengetik pautan "**1st Time Login?**". Sekiranya pengguna lupa kata laluan, pengguna boleh mengetik pautan "**Forget Password?**". Jawapan kepada persoalan yang selalu ditanya disediakan dalam pautan "**FAQ**" dan sekiranya pengguna ingin menyemak emel alternatif, pengguna boleh berbuat demikian dengan mengetik "**Check Alternate Email**". Jika terdapat sebarang permasalahan, pengguna boleh membuat aduan dipautan sebelah kanan Rajah 1.2 dibahagian *Support* dengan mengetik "**HERE**". Sekiranya pengguna berjaya melepasi verifikasi akses, pengguna akan melihat paparan *Dashboard* e-RMS seperti di Rajah 1.3.




Rajah 1.3: Antara Muka *Dashboard* Sistem e-RMS

Paparan *Dashboard* memaparkan halaman utama e-RMS yang mengandungi statistik semasa berkaitan daftar risiko dan juga carta alir proses daftar risiko. Daftar risiko di dalam e-RMS adalah berdasarkan tahap akses pengguna. Terdapat tiga jenis akses pengguna iaitu:


- **Admin** – Berfungsi sebagai pengguna utama (*Super user*). Mempunyai akses kepada keseluruhan e-RMS. Ia memaparkan kesemua daftar risiko yang didaftarkan oleh mana-mana PTJ. Akses hanya diberikan kepada staf UPR.
- **Penyelaras** – Berfungsi sebagai pegawai bertanggungjawab yang akan mengawasi kemasukan daftar risiko PTJ masing-masing. Penyelaras boleh mengakses daftar risiko yang didaftarkan di bawah PTJ sendiri sahaja. Diberikan akses untuk melantik pengguna biasa bagi membantu memasukkan daftar risiko PTJ, sekiranya perlu.
- **Pengguna biasa** – Berfungsi sebagai pembantu Penyelaras untuk memasukkan daftar risiko yang telah dipersetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko. Akses terhad kepada unit di PTJ sahaja.

MANUAL PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN RISIKO ELEKTRONIK (e-RMS)

Untuk paparan-paparan seterusnya, bergantung kepada peratusan paparan skrin (*zoom*) komputer atau komputer riba pengguna. Sebagai contoh, jika skrin komputer dalam keadaan *zoom* 100%, maka paparan skrin bagi senarai pengguna e-RMS adalah seperti di Rajah 1.4 di mana butang kemaskini berwarna biru berada disebelah kiri skrin, tetapi jika paparan skrin bagi senarai pengguna e-RMS dalam keadaan *zoom* 125%, butang kemaskini berwarna biru tidak kelihatan sebaliknya butang hijau bertanda '+' disebelah kanan skrin dipaparkan seperti di Rajah 1.5 dimana ianya harus di klik bagi tujuan pengemaskinian yang sama seperti maksud butang biru pada Rajah 1.4.



Rajah 1.4: Antara Muka Skrin e-RMS dalam Peratusan *Zoom* 100%




Rajah 1.5: Antara Muka Skrin e-RMS dalam Peratusan *Zoom* 125%

1.2 Kemaskini Maklumat, Pengguna Aktif dan Tidak Aktif

Setiap Penyelaras Risiko boleh mengemas kini maklumat, pengguna aktif dan juga pengguna tidak aktif. Rajah 1.6 hingga Rajah 1.9 menunjukkan cara-cara untuk menggunakan e-RMS bagi kemas kini maklumat, menambah senarai pengguna dan menukar pengguna aktif ke tidak aktif dan sebaliknya.

MANUAL PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN RISIKO ELEKTRONIK (e-RMS)




Rajah 1.6: Antara Muka Mengemas Kini Maklumat Pengguna




Rajah 1.7a: Antara Muka Tambah Senarai Maklumat Pengguna Aktif

MANUAL PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN RISIKO ELEKTRONIK (e-RMS)




Rajah 1.7b: Antara Muka Tambah Senarai Maklumat Pengguna Aktif




Rajah 1.7c: Antara Muka Tambah Senarai Maklumat Pengguna Aktif

MANUAL PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN RISIKO ELEKTRONIK (e-RMS)




Rajah 1.7d: Antara Muka Tambah Senarai Maklumat Pengguna Aktif




Rajah 1.8a: Antara Muka Menukar Pengguna dari Aktif ke Tidak Aktif


MANUAL PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN RISIKO ELEKTRONIK (e-RMS)



Rajah 1.8b: Antara Muka Menukar Pengguna dari Aktif ke Tidak Aktif




Rajah 1.9a: Antara Muka Menukar Pengguna Tidak Aktif Kepada Aktif



Rajah 1.9b: Antara Muka Menukar Pengguna Tidak Aktif Kepada Aktif

1.3 Senarai Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Senarai Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyenaraikan daftar-daftar risiko mengikut PTJ masing-masing. Rajah 1.10 memaparkan contoh antara muka senarai daftar risiko di bawah tanggungjawab sesebuah PTJ.




Rajah 1.10 Antara Muka Senarai Risiko di bawah Tanggungjawab PTJ

1.4 Kemasukan Daftar Risiko


Daftar risiko yang dimasukkan ke dalam e-RMS adalah hasil daripada minit mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko di PTJ masing-masing. Berikut adalah langkah-langkah untuk memasukkan daftar risiko ke dalam e-RMS:

MANUAL PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN RISIKO ELEKTRONIK (e-RMS)

Langkah 1: Setelah mesyuarat JPR dijalankan. Kesemua daftar risiko perlu didaftarkan kedalam sistem e-RMS. Untuk mendaftar risiko, pengguna perlu mengklik '+Risiko'. Rajah 1.11 menunjukkan kotak berwarna merah yang tertulis "+Risiko".



Rajah 1.11: Antara Muka Daftar Risiko



Rajah 1.12: Antara Muka Maklumat Daftar Risiko

Langkah 2: Penerangan ringkas atau ringkasan eksekutif maklumat risiko harus dimasukkan tidak lebih daripada 300 patah perkataan. Walaubagaimanapun, pengguna dimohon untuk tidak terlalu meringkaskan **Keterangan Risiko** sehingga penerangan risiko tidak dapat difahami. Penerangan risiko, punca dan impak secara ringkas harus diperincikan.

Rajah 1.12 menunjukkan ruangan **Keterangan risiko** yang mengandungi maklumat seperti risiko, punca risiko dan impak risiko.

Risiko merujuk kepada pernyataan atau perihal keterangan sesuatu risiko. Contohnya; Cerun bukit yang mendap di kawasan kolej pelajar berpotensi menyebabkan tanah runtuh.

Punca risiko merujuk kepada penerangan sebab risiko itu berlaku. Contohnya, hakisan semulajadi yang berlaku di kawasan bukit, akibat hujan yang berterusan.


Impak risiko menerangkan tentang kesan sesuatu risiko bila sesuatu kejadian berlaku. Contohnya, cerun bukit yang mendap membahayakan staf atau pelajar yang melalui kawasan tersebut, berpotensi menyebabkan kecederaan.

Langkah 3: Kesan risiko merujuk kepada impak risiko sama ada di peringkat Unit atau Institusi.

Pilih **Unit** jika sesuatu risiko berlaku di peringkat PTJ.

Pilih **Institusi** jika sesuatu risiko berlaku di peringkat UiTM.

Kesan risiko terbahagi kepada dua iaitu unit dan institusi. Kesan risiko unit memfokuskan kesan kepada PTJ secara khusus manakala kesan risiko institusi memfokuskan kepada kesan yang lebih besar iaitu kepada UiTM amnya. Paparan pemilihan kesan risiko ditunjukkan dalam Rajah 1.13.



Rajah 1.13: Antara Muka Kesan Risiko


Langkah 4: Kategori risiko merujuk kepada 6 kategori risiko iaitu strategik, kewangan, operasi, perundangan, dan projek. Rujuk Rajah 1.14.

Pengguna hanya boleh memilih satu sahaja berdasarkan keputusan yang telah dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko. Paparan pemilihan kategori risiko adalah seperti dalam Rajah 1.15.

Kategori Risiko (Sila Klik -->)


KATEGORI	KETERANGAN
Strategik	Risiko yang menjadi halangan untuk mencapai halatuju atau objektif universiti.
Kewangan	Risiko yang menjejaskan pembiayaan atau dana universiti. Ia merupakan risiko-risiko berkaitan keupayaan kewangan, prosidur pengurusan kewangan, keselamatan kewangan dan lain-lain berkaitan kewangan
Operasi	Risiko yang menjejaskan perkhidmatan kepada kakitangan, pelajar dan pihak luar universiti. Ia merupakan risiko yang melibatkan semua proses kerja bagi mencapai objektif organisasi seperti keselamatan rekod, keselamatan pekerja, pengurusan dan pembangunan sumber manusia, fasiliti dan lain-lain
Peraturan/Perundangan	Risiko yang memberi kesan kepada pematuhan undang-undang dan peraturan. Ia adalah risiko dari implikasi perundangan seperti perjanjian antara organisasi, penurunan kuasa serta lain-lain yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang.
Reputasi	Risiko yang sekiranya berlaku akan member implikasi kepada imej universiti.
Projek	Risiko yang dijangka sepanjang tempoh pelaksanaan sesebuah projek bermula dari proses penyediaan kertas cadangan projek sehingga projek tersebut siap dan diserahkan kepada pengguna. Ia melibatkan penilaian risiko dari semua aspek yang perlu dalam pelaksanaan sesebuah projek termasuk tenaga kerja, kewangan, perundangan dan segala perancangan pelaksanaan projek.

Rajah 1.14: Antara Muka Keterangan Kategori Risiko



Rajah 1.15: Antara Muka Pemilihan Kategori Risiko

Langkah 5: Jabatan bertanggungjawab merujuk kepada PTJ yang mendaftar sesuatu risiko. Pengguna harus memilih jabatan bertanggungjawab. Paparan akan diberikan berdasarkan tahap akses pengguna. Paparan pemilihan jabatan bertanggungjawab adalah seperti Rajah 1.16. Namun, Rajah 1.14 hanya contoh paparan sahaja dimana Unit Pengurusan Risiko itu adalah salah satu daripada senarai PTJ yang tersenarai.



Rajah 1.16: Antara Muka Jabatan Bertanggungjawab


Langkah 6: Jadual Impak & Indeks kebarangkalian

Pengguna akan memilih nilai impak dan kebarangkalian risiko yang telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko. Paparan bagi pemilihan nilai impak dan kebarangkalian risiko adalah seperti Rajah 1.17. Pengguna juga boleh merujuk rubrik pemilihan nilai impak dan kebarangkalian risiko berdasarkan Jadual Impak dan Indeks Kebarangkalian. Sekiranya pengguna mengklik *hyperlink* (Sila Klik -->), jadual impak dan indeks kebarangkalian seperti Rajah 1.18.

Jadual Impak merujuk kepada kesan sesuatu risiko terhadap manusia, reputasi, kewangan, operasi, dan objektif. Ianya juga menunjukkan tahap keparahan sesuatu risiko seperti tiada kesan, kecil, sederhana, tinggi dan ekstrem.

Indeks kebarangkalian merujuk kepada skala kekerapan berlakunya sesuatu risiko yang didaftarkan seperti jarang berlaku, mungkin berlaku rendah, mungkin berlaku, kemungkinan tinggi, dan hampir pasti berlaku.

MANUAL PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN RISIKO ELEKTRONIK (e-RMS)



Rajah 1.17: Antara Muka Daftar Risiko Berkaitan Jadual

Jadual Impak Risiko & Indeks Kebarangkalian (Silaklik -->)

Jadual Impak Risiko					
Impak	Manusia	Reputasi	Kewangan	Operasi	Objektif
1 (Sangat Kecil)	Kecederaan yang tidak memerlukan rawatan/ tidak menjejaskan produktiviti	Aduan terencil	Implikasi kewangan sangat rendah dan dalam ruang kawalan pemunya risiko untuk diurus secara dalam	Tidak dapat beroperasi kurang daripada 2 jam	Kesan yang sangat kecil
2 (Kecil)	Mengalami kecederaan dan memerlukan rawatan pesakit luar/ menjejaskan produktiviti pada tahap minimal	1-5 aduan daripada pemegang kepentingan dan pelanggan	Melibatkan implikasi kewangan <10% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggungjawab	Tidak dapat beroperasi di antara 2-4 jam	Kesan yang kecil dan boleh menyebabkan sedikit kelewatan, boleh diusahakan
3 (Sedemana)	Mengalami kecederaan dan perlu dirawat di hospital (ditahan wad <4 hari) menjejaskan produktiviti pada tahap proses kerja	6-10 aduan daripada pemegang kepentingan dan pelanggan	Melibatkan implikasi kewangan 10% hingga 25% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggungjawab	Tidak dapat beroperasi di antara 1-3 hari	Kelewatan sederhana dan kesukaran untuk mencapai sasaran prestasi yang ditetapkan
4 (Besar)	Mengalami kecederaan dan perlu dirawat di hospital (ditahan wad >4 hari) mengakibatkan penurunan produktiviti pada peringkat jabatan	Publisiti buruk dari akhbar tempatan dan antarabangsa	Melibatkan implikasi kewangan 25% hingga 50% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggungjawab	Tidak dapat beroperasi di antara 3-7 hari	Kelewatan yang berpanjangan, prestasi di bawah sasaran yang ditetapkan
5 (Sangat Besar)	Kematian/ mengakibatkan penurunan produktiviti universiti	Publisiti sangat buruk dari akhbar tempatan dan antarabangsa	Melibatkan implikasi kewangan >50% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggungjawab	Tidak dapat beroperasi melebihi 7 hari	Kegagalan menyeluruh dari mencapai sasaran/objektif prestasi


Jadual Indeks Kebarangkalian

#	Skala Penarafan	Keterangan
1	JARANG	Sesuatu kejadian yang jarang berlaku - sekali melebihi 3 tahun
2	KEMUNGKINAN RENDAH	Sesuatu kejadian yang rendah kemungkinan berlaku - sekali dalam setiap 3 tahun
3	ADA KEMUNGKINAN	Sesuatu kejadian yang mungkin berlaku - sekali setahun
4	KEMUNGKINAN TINGGI	Sesuatu kejadian yang besar kemungkinan berlaku - sekali setiap 6 bulan
5	HAMPIR PASTI	Sesuatu kejadian yang kerap/ hampir pasti berlaku - sekali dalam sebulan

Rajah 1.18: Antara Muka Jadual Impak Risiko dan Jadual Indeks Kebarangkalian

Langkah 6: Menetapkan kawalan sedia ada


Penerangan mengenai kawalan sedia ada yang sedang dilaksanakan untuk menyelesaikan risiko yang dihadapi perlu dimasukkan dalam bahagian penetapan kawalan sedia ada seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.19.



Rajah 1.19: Paparan Kawalan Sedia Ada

Langkah 7: Menetapkan kawalan tambahan

Penerangan kawalan tambahan yang akan dilaksanakan pada masa akan datang akan dimasukkan dalam bahagian penetapan kawalan tambahan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.20



Rajah 1.20: Paparan Kawalan Tambahan Dicadangkan

Langkah 8: Memuatnaik Lampiran

Pengguna boleh melampirkan bukti dalam bentuk gambar ke dalam sistem e-RMS. Sekiranya pengguna ingin memasukkan lebih daripada satu fail gambar, pengguna boleh terus menekan kekunci control (Ctrl) semasa memilih fail yang akan dimasukkan. Paparan kemasukan gambar ke dalam sistem e-RMS adalah dipaparkan dalam Rajah 1.21.


Gambar (jika ada - Gunakan Control + Klik untuk memilih lebih dari satu gambar)



Rajah 1.21: Paparan Lampiran Gambar Ke Dalam Sistem e-RMS

Langkah 9: Klik butang 'Submit' untuk simpan selamat daftar risiko ke dalam e-RMS


Untuk memastikan kesemua data yang telah dimasukkan, disimpan dan dikemaskini dalam repositori, butang "Submit" harus ditekan. Butang "Submit" adalah seperti yang ditunjukkan dalam paparan Rajah 1.22.




Rajah 1.22: Paparan Butang "Submit"

Langkah 10: Menyemak Daftar Risiko


Apabila pengguna telah menekan butang "Submit", sistem akan memaparkan paparan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.23a dan Rajah 1.23b. Di paparan senarai risiko ini akan menyenaraikan daftar risiko- daftar risiko yang telah dimasukkan atau di isi oleh penyelaras risiko PTJ masing-masing. Sekiranya pengguna mengklik butang hijau "+" disebelah kiri daftar risiko, jejak audit daftar risiko, sejarah risiko atau 'risk history' berkenaan akan dipaparkan seperti di Rajah 1.24. Ini akan memudahkan pengguna membuat audit dan memastikan tarikh sebenar perubahan dibuat. Untuk melihat sejarah risiko (*risk history*), berikut adalah langkah-langkah untuk memaparkan '*risk history* (RH)':



Rajah 1.23a: Senarai Risiko



Rajah 1.23b: Senarai Risiko




Rajah 1.24: Antara Muka Sejarah Risiko

1.5 Semakan Berkala Daftar Risiko


1.5.1 Kemaskini Daftar Risiko

Untuk status, terdapat 3 jenis status yang ada dalam e-RMS iaitu **Menunggu Tindakan PTJ**, **Dalam Tindakan PTJ** dan **Selesai**. Secara *default*, semua daftar risiko baharu yang didaftarkan akan mempunyai status menunggu tindakan PTJ. Maklumat ini boleh diubah mengikut tindakan mitigasi PTJ masing-masing. Perubahan keparahan risiko juga boleh berubah mengikut nilai baharu impak dan kebarangkalian yang dimasukkan dalam bahagian kemaskini. Satu medan baharu – Ulasan penambahbaikan (Tindakan) akan dipaparkan seperti dalam Rajah 1.25. Ini adalah bertujuan untuk memberi ruang kepada pengguna memperincikan tindakan mitigasi yang telah dilaksanakan. Satu menu *drop down* untuk pengguna memilih tindakan yang perlu juga akan diberikan dalam status risiko. Terdapat 4 jenis status risiko yang ada, iaitu: menunggu tindakan

PTJ, dalam tindakan PTJ, perlu tindakan UPR dan selesai. Pengguna boleh mengemaskini mengikut status daftar risiko terkini. Paparan pemilihan status risiko ditunjukkan dalam Rajah 1.26.



Rajah 1.25: Medan Kemasukkan Data Untuk Ulasan Penambahbaikan



Rajah 1.26: Menu Drop-Down Untuk Memilih Status Risiko

Pengguna juga boleh menambah lampiran atau gambar tambahan untuk memberi gambaran jelas tentang kemaskini daftar risiko yang berkenaan. Senarai lampiran dan gambar akan dipaparkan kepada pengguna sepertimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.27.




Rajah 1.27: Antara Muka Kemasukan Fail Lampiran Dan Gambar Serta Senarai Fail Yang Telah Dimasukkan

Rajah 1.28 memaparkan langkah-langkah bagi mengemaskini daftar risiko dari masa ke semasa setiap kali selepas mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko dijalankan.

Langkah 1: Memilih Samada Senarai Risiko Unit atau Senarai Risiko Institusi


Untuk mengemaskini, pemilihan senarai risiko ini adalah berdasarkan pemilihan yang telah dibuat oleh pengguna di awal pendaftaran risiko. Sila Rujuk 1.4 Kemasukan Daftar Risiko, Langkah 3. Sebagai contoh, dibahagian menu, klik Senarai Risiko Unit. dan kemudian klik pada mana-mana butang hijau “+” daftar risiko yang hendak dikemaskini.



Rajah 1.28a: Antara Muka Mengemaskini Daftar Risiko

Langkah 2: Pilih daftar risiko yang hendak dikemaskini, kemudian klik pada mana-mana butang hijau “+” daftar risiko yang hendak dikemaskini.


Langkah 3: Klik kemaskini dan masukkan maklumat-maklumat perubahan yang hendak dibuat.



Rajah 1.28b: Antara Muka Mengemaskini Daftar Risiko


MANUAL PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN RISIKO ELEKTRONIK (e-RMS)

Langkah 4: Setelah memasukkan maklumat-maklumat perubahan pada daftar risiko, tekan butang **Kemaskini**.



Rajah 1.28c: Antara Muka Mengemaskini Daftar Risiko

Langkah 5: Kemaskini telah selesai dibuat dan berjaya.



Rajah 1.28d: Antara Muka Mengemaskini Daftar Risiko


1.5.2 Padam Daftar Risiko

Jika berlaku kesilapan semasa mendaftar risiko, butang 'padam' disediakan. Notifikasi sistem akan muncul dan memberikan pilihan kepada pengguna samada padam atau tidak risiko yang telah didaftarkan. Rajah 1.29 menunjukkan langkah-langkah yang perlu dilakukan jika perlu untuk memadam daftar risiko yang telah dimasukkan.


Langkah 1: Memilih Sama Ada Senarai Risiko Unit atau Senarai Risiko Institusi

Untuk memadam daftar risiko, pemilihan senarai risiko ini adalah berdasarkan pemilihan yang telah dibuat oleh pengguna di awal pendaftaran risiko. Sila Rujuk 1.4 Kemasukan Daftar Risiko, Langkah 3. Sebagai contoh, dibahagian menu, klik Senarai Risiko Unit. dan kemudian klik pada mana-mana butang hijau “+” daftar risiko yang hendak dipadam.

Langkah 2: Pilih daftar risiko yang henda dipadam, kemudian klik pada mana-mana butang hijau “+” daftar risiko yang hendak dipadam.




Rajah 1.29a: Antara Muka Memadam Daftar Risiko



Rajah 1.29b: Antara Muka Memadam Daftar Risiko

Langkah 3: Klik butang **Padam**.



Rajah 1.29c: Antara Muka Memadam Daftar Risiko

Langkah 4: Setelah menekan butang **Padam**, sistem akan memaparkan notifikasi dengan memberi pilihan kepada pengguna samada padam atau tidak.


1.5.3 'Forward' Daftar Risiko

Apabila di penghujung tahun bagi setiap pendaftaran risiko, daftar-daftar risiko yang tidak berstatus selesai, perlu dibawa ke tahun berikutnya. Ini kerana daftar risiko itu perlu dibawa dan dikemaskini pada tahun berikutnya. Rajah 1.30 menunjukkan langkah-langkah yang perlu dilakukan jika perlu membawa daftar-daftar risiko yang belum berstatus selesai ke tahun berikutnya.

Langkah 1: Memilih Sama Ada Senarai Risiko Unit atau Senarai Risiko Institusi

Untuk membawa daftar risiko ke tahun berikutnya, pemilihan senarai risiko ini adalah berdasarkan pemilihan yang telah dibuat oleh pengguna di awal pendaftaran risiko. Sila Rujuk 1.4 Kemasukkan Daftar Risiko, Langkah 3. Sebagai contoh, dibahagian menu, klik Senarai Risiko Unit dan kemudian pilih daftar risiko yang hendak dibawa ke tahun berikutnya.


Langkah 2: Setelah mengenalpasti daftar risiko yang hendak dibawa ke tahun berikutnya, klik butang 'Forward'.



Rajah 1.30: Antara Muka 'Forward' Daftar Risiko

1.6 Risk Performance Index (RPI-X)

Risk Performance Index (RPI-X) ini memaparkan maklumat-maklumat berkaitan dengan status risiko yang terdiri daripada 3 jenis status yang ada dalam sistem e-RMS iaitu Menunggu Tindakan, Dalam Tindakan PTJ dan Selesai seperti pada Rajah 1.31. Kesemua daftar risiko yang telah didaftarkan akan disenaraikan mengikut ketiga-tiga jenis status risiko. Maklumat RPI-X ini hanyalah maklumat tambahan dan boleh dijadikan sebagai satu kaedah pengukuran prestasi dan keberkesanan pengurusan risiko yang telah dilakukan.



Rajah 1.31: Antara Muka Risk Performance Index (RPI-X)


1.7 Laporan

Setelah risiko telah didaftarkan, pelaporan dapat dijanakan oleh system e-RMS. Laporan-Sistem e-RMS atas talian menyediakan 8 jenis pelaporan berdasarkan PTJ masing-masing, iaitu:

- Laporan berdasarkan tahun – pelaporan yang menyenaraikan kesemua risiko yang telah didaftarkan mengikut PTJ bagi tahun dan status risiko yang dipilih.
- Laporan berdasarkan tarikh – pelaporan yang menyenaraikan kesemua risiko yang telah didaftarkan mengikut PTJ berdasarkan tarikh mula dan tarikh tamat yang dipilih beserta status risiko.
- Laporan berdasarkan unit – pelaporan berdasarkan unit ini disediakan jika PTJ itu mempunyai lebih daripada satu unit. Pelaporan ini menyenaraikan kesemua risiko yang telah didaftarkan mengikut unit di PTJ bagi tahun dan status risiko yang dipilih.
- Laporan berdasarkan risiko/unit – pelaporan yang menyenaraikan kesemua risiko yang didaftarkan oleh Penyelaras Risiko PTJ berdasarkan kepada susunan risiko itu didaftarkan kedalam sistem e-RMS.
- Laporan berdasarkan kategori risiko – pelaporan yang menyenaraikan kesemua risiko yang didaftarkan oleh Penyelaras Risiko PTJ masing-masing mengikut kategori risiko dan tahun yang dipilih.
- Laporan berdasarkan tahap risiko - pelaporan yang menyenaraikan kesemua risiko yang didaftarkan oleh Penyelaras Risiko PTJ masing-masing mengikut tahap risiko dan tahun yang dipilih.
- Laporan berdasarkan kategori dan tahap risiko - pelaporan yang menyenaraikan kesemua risiko yang didaftarkan oleh Penyelaras Risiko PTJ masing-masing mengikut kategori dan tahap risiko yang dipilih.
- Laporan status dan tahap risiko - pelaporan yang menyenaraikan kesemua risiko yang didaftarkan oleh Penyelaras Risiko PTJ masing-masing mengikut status dan tahap risiko yang dipilih.

Antara muka pemilihan laporan adalah seperti dalam Rajah 1.32.

Laporan



Rajah 1.32: Antara Muka Pemilihan Laporan

Antara contoh pelaporan-pelaporan yang dihasilkan di menu laporan e-RMS adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.33 dan Rajah 1.34. Kesemua laporan ini boleh di muat turun dalam bentuk templat Excel atau PDF.

Bagi Rajah 1.33 laporan adalah berdasarkan tahun manakala Rajah 1.34 laporan adalah berdasarkan tahap risiko dalam bentuk PDF.

Laporan

Rajah 1.33a: Contoh Laporan Berdasarkan Tahun



LAPORAN 1: BERDASARKAN TAHUN

Fakulti / Pusat Akademik / UiTM Negeri : Unit Pengurusan Risiko UiTM

No	Keterangan Risiko	Pemilik Risiko	Pelaksana Risiko	Tarikh Daftar	Tarikh Kemaskini	Nilai Impak	Risk Index	Tahap Risiko	Kawalan Sedia Ada	Kawalan Tambahan Dicadangkan	Status	Cawangan
				2021-08-24	2021-08-24	Mansia : 1 Reputasi : 2 Kewangan : 2 Operasi : 3 Objektif : 3 Kebarangkalian : 2	4.4	SEDERHANA			Selesai	

Rajah 1.33b: Contoh Laporan Berdasarkan Tahun

Laporan

LAPORAN ALL: LAPORAN RISIKO

Laporan *

LAPORAN 6: BERDASARKAN TAHAP RISIKO
▼

Tahun *

- SILA PILIH TAHUN -
▼

Tahap Risiko *

- SILA PILIH TAHAP RISIKO -
▼

Jana Laporan

Rajah 1.34a: Contoh Laporan Berdasarkan Status Dan Tahap Risiko



LAPORAN 8: BERDASARKAN TAHAP RISIKO

Fakulti / Pusat Akademik / UiTM Negeri : Unit Pengurusan Risiko UiTM

No	Keterangan Risiko	Pemilik Risiko	Pelaksana Risiko	Tarikh Daftar	Tarikh Kemaskini	Nilai Impak	Risk Index	Tahap Risiko	Kawalan Sedia Ada	Kawalan Tambahan Dicadangkan	Status	Cawangan
1				2021-09-05	2023-01-25	Manusia : 3 Reputasi : 2 Kerjasama : 1 Operasi : 1 Objektif : 1 Kebarangkalian : 2	3.2	RENDAH			Dalam Tindakan PFI	

Rajah 1.34b: Contoh Laporan Berdasarkan Status Dan Tahap Risiko

2.0 Contoh Terjemahan Daftar Risiko Manual Ke Dalam Sistem e-RMS

Berikut adalah contoh permulaan daftar risiko secara manual yang telah dibincangkan dan diminitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko di Unit Pengurusan Risiko, UiTM dan bagaimana ianya diterjemah dan dipindah ke dalam sistem e-RMS.

No. Ruj (Untuk	1. Kategori	1b. Risiko Institusi atau	2. Keterangan Risiko
----------------	-------------	---------------------------	----------------------

MANUAL PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN RISIKO ELEKTRONIK (e-RMS)

Kegunaan Pejabat)	Risiko	Unit	
UPR0001 2022	Strategik	Institusi	Perjumpaan tahunan bersama penyelaras risiko UiTM tidak dapat dilaksana. Oleh yang demikian UPR tidak dapat membincangkan perkara berikut: 1. Isu-isu terkini pengurusan risiko UiTM 2. Perancangan aktiviti pengurusan risiko di PTJ 3. Perbincangan tentang daftar risiko PTJ

3

2

1a

3. Punca/ Penyebab Risiko		4. Impak Risiko
(A) Klasifikasi Punca (Untuk Kegunaan Pejabat UPR)	(B) Penerangan	
Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perjumpaan/ mesyuarat/bengkel bersemuka tidak dibenarkan 2. Penyelaras risiko tidak dibenarkan rentas negeri/daerah 	1. Perjumpaan tidak dapat dijalankan secara bersemuka seperti biasa

1b

1c

1d

5. Kaedah Kawalan		
(A) Kawalan Sedia ada	(B) Kawalan tambahan yang di cadangkan	(C) Klasifikasi kawalan (Untuk Kegunaan UPR)

MANUAL PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN RISIKO ELEKTRONIK (e-RMS)

Strategi utama - Ubah cara pelaksanaan aktiviti 1. Impak Objektif - Perjumpaan secara maya menggunakan aplikasi Zoom/Gmeet/Webex	1. Impak Operasi - Komunikasi dengan penyelaras menggunakan aplikasi Whatsapp dan telefon 2. Impak Operasi - Taklimat pengurusan risiko dan keperluan daftar risiko PTJ akan dibuat secara maya	
---	--	--

7

8

6. Kebarangkalian	7. Penilaian Impak						8. Tahap Keparahan Risiko	
	(a) Manusia	(b) Reputas/ Imej	(c) Kewangan	(d) Operasi	(e) Objektif	Purata (a+b+c+d+e)/n	Matriks Keparahan Risiko	
2	1	2	2	3	3	2.2	4	Sederhana

6

5

9. Pemilik Isu	10. Pemunya Tindakan	11. Tarikh didaftarkan	12. Kemaskini pertama		
			Tarikh dikemaskini	Status Kawalan Risiko	Perubahan Tahap Risiko
UPR	UPR	6 Apr 2022	30 Jun 2022	Selesai	Kekal

4

13. Tempoh Pelaksanaan	14. Catatan
6 Apr 2022 - 28 Jun 2022	1. Strategi diluluskan dalam mesyuarat pentadbiran UPR pada 31 Mac 2022 2. Perjumpaan penyelaras dapat dilaksanakan dengan jaya secara maya pada 28 Jun 2022

Segala maklumat daftar risiko yang dimasukkan kedalam Lembaran Kerja (Excel), berikut adalah langkah-langkah memasukkan kedalam e-RMS.

Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS)

The screenshot shows the e-RMS system interface with three sections and corresponding callout boxes:

- Maklumat Risiko**: A text area with a rich text editor toolbar. A callout box points to this area, stating: "Maklumat la, lb, lc dan ld akan dimasukkan di ruangan ini." (Information la, lb, lc and ld will be entered in this space.)
- Kesan Risiko**: A dropdown menu with options: Unit, Unit, and Institusi. A callout box points to this menu, stating: "Maklumat 2 akan dimasukkan di ruangan ini." (Information 2 will be entered in this space.)
- Kategori Risiko**: A dropdown menu with options: Strategik, Strategik, Kewangan, Perundangan, Reputasi, Projek, and Operasi. A callout box points to this menu, stating: "Maklumat 3 akan dimasukkan di ruangan ini." (Information 3 will be entered in this space.)

Jabatan Bertanggungjawab

- Urusetia Sistem eRMS
- Urusetia Sistem eRMS
- UNIT PENGURUSAN RISIKO**
- Unit Pengurusan Risiko UiTM
- UNIT PENGURUSAN RISIKO
- UNIT PENGURUSAN RISIKO
- UNIT PENGURUSAN RISIKO
- UNIT PENGURUSAN RISIKO
- UNIT PENGURUSAN RISIKO



Maklumat 4 akan dimasukkan di ruangan ini.


Jadual Impak Risiko & Indeks Kebarangkalian (Sila Klik -->)

- Impak: Manusia 1 2 3 4 5
- Impak: Reputasi 1 2 3 4 5
- Impak: Kewangan 1 2 3 4 5
- Impak: Operasi 1 2 3 4 5
- Impak: Objektif 1 2 3 4 5
- Kebarangkalian 1 2 3 4 5




Maklumat 5 dan 6 akan dimasukkan di ruangan ini.

Kawalan Sedia Ada



Maklumat 7 akan dimasukkan di ruangan ini.

Kawalan Tambahan Dicadangkan



Maklumat 8 akan dimasukkan di ruangan ini.

3.0 Penutup

Sistem Pengurusan Risiko UiTM Elektronik atau dipanggil *Electronic Risk Management System (e-RMS)* adalah suatu sistem yang mampu mengumpulkan semua daftar risiko daripada semua PTJ dalam satu repositori yang sama. Sistem ini akan menjadi satu hub maklumat kepada semua PTJ dan UPR untuk merekodkan daftar risiko. Melalui e-RMS ini, ianya boleh digunakan untuk menghasilkan laporan-laporan risiko. Laporan ini mengandungi penilaian dan keberkesanan rawatan risiko yang telah dilaksanakan di peringkat PTJ dan UiTM serta mengesahkan bahawa semua risiko yang berkaitan dengan tanggungjawab yang telah diambil tindakan atau sebaliknya. Laporan-laporan ini boleh diperolehi secara automatik melalui e-RMS dan boleh dicetak. Manual Pengguna Sistem Elektronik Pengurusan Risiko UiTM (e-RMS) ini hendaklah digunakan bersama-sama dengan Polisi dan Panduan Pengurusan Risiko UiTM.

e ISBN 978-967-26899-2-8



9 789672 689928

**UNIT PENGURUSAN RISIKO,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

UiTM *di hatiku*